



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000

Faks: 088-212655

E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS : **JBNS:(A)400-14/1/Vol.8(109)**

Tarikh : **15 Oktober 2012**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Mayor Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu

Presiden Majlis Perbandaran Tawau

Presiden Majlis Perbandaran Sandakan

Semua Pegawai Daerah

Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PELARASAN UNTUK MENYELESAIKAN AKAUN PENDAHULUAN DIRI (AP.54)

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan ke atas perkara di atas.

2. Dalam Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil.5 Tahun 2012 bertarikh 25 Jun 2012 – Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012, perenggan 3.3 Surat Pekeliling tersebut telah menetapkan bahawa tindakan pelarasan untuk menyelesaikan Akaun Pendahuluan Diri (AP.54) akan diambil selewatnya dalam **Akaun Disember 2012** dan tidak akan diproses lagi dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB), Akaun Disember Tambah I dan Tambah II.

3. Sehubungan dengan perkara ini, mohon perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan bahawa tarikh akhir penerimaan baucar jurnal untuk pelarasan Akaun Pendahuluan Diri (AP. 54) adalah pada **31 Disember 2012**. Sebarang kelewatan untuk mengemukakan baucar jurnal ke Jabatan Bendahari Negeri kemungkinan tidak akan dilayan memandangkan Jabatan ini akan membuat proses penutupan Akaun Disember 2012 mengikut sasaran masa yang ditetapkan.

4. Kerjasama pihak Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

...../2-

JBNS:(A)400-14/1/Vol.8(109)

15 Oktober 2012

- 2 -

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
KOTA KINABALU

(U.P: Encik Darwin Timus)

" Akauntan Kanan (Akaun Utama)
Jabatan Bendahari Negeri Sabah

CNN/JS/dcm